

SASTERA PELANCONGAN DI MALAYSIA

Hubungan antara sastera dengan pelancongan silih berperanan sebagai wahana memperkaya pengalaman manusia. Sastera sering menjadi pintu kepada tujuan pelancongan, memperkenalkan keindahan budaya, sejarah dan lapangan sesuatu latar menerusi nukilan karya kreatif seperti novel, puisi, atau cerpen. Pelancongan pula menjelajah inti kesusasteraan dengan memberi peluang kepada penziarah untuk meneroka jejak yang pernah dilalui watak dalam karya yang diabadikan dalam gubahan karya seperti kampung halaman penulis yang diangkat atau tempat yang menjadi latar cerita. Hubungan ini bukan sahaja menumbuhkan rasa seni, malah ia juga mendorong pembangunan ekonomi dan garis serta lekuk peta pengalaman akliah dan emosi akan sesebuah lingkungan. Buku ini menghimpunkan suara yang menghubungkan belahan ini, mengajak pembaca menyelami keajaiban aksara sastera dalam wilayah pelancongan. Ragam penulisan terdiri daripada contoh sastera pelancongan yang berlaku di setiap negeri di Malaysia. Terdapat beberapa bab yang merakam kesedaran para penulis sendiri bahawa gubahan tulisan kreatif mereka dapat menjadi sumber pancingan pelancongan dan ia merupakan sumbangan yang istimewa.

MAWAR SAFEI, PhD, Profesor Madya di Pusat Kajian BITARA Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususannya adalah kesusasteraan bandingan dan kreativiti. NOORDEYANA TAMBI, PhD, Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Pembangunan, Sosial & Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususannya adalah Pembangunan Komuniti. ERMY AZZIATY ROZALI, PhD, Profesor Madya di Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususannya adalah sejarah dan tamadun Islam.



SASTERA PELANCONGAN DI MALAYSIA

MAWAR SAFEI
NOORDEYANA TAMBI
ERMY AZZIATY ROZALI



SASTERA PELANCONGAN DI MALAYSIA



disunting oleh
MAWAR SAFEI
NOORDEYANA TAMBI
ERMY AZZIATY ROZALI

SASTERA PELANCONGAN DI MALAYSIA



disunting oleh
MAWAR SAFEI
NOORDEYANA TAMBI
ERMY AZZIATY ROZALI

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2025
www.ukm.my/penerbit

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2025
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2025

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
www.ukm.my/penerbit
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA /
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh / *Typeset by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
PEWARIS GEMILANG SDN. BHD.
No. 27G, Jalan Putra 8, Taman Kajang Putra,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-629-486-537-2

Kandungan

Senarai Jadual & Rajah ... 9

Prakata ... 11

BAB 1 Kesalingan dalam Sastera Pelancongan ... 13

Mawar Safei, Noordeyana Tambi & Ermy Azziaty Rozali

BAB 2 Konsep Sastera Pelancongan ... 25

Nur Hidayah Abd Rahman & Julaina Nopiah

BAB 3 Sastera Lisan, Pelancongan Malaysia dan Nusantara ... 39

Mohamad Luthfi Abdul Rahman

BAB 4 Sastera Pelancongan Malaysia dalam Cabaran Wabah ... 53

Mawar Safei, Ermy Azziaty Rozali & Noordeyana Tambi

BAB 5 Stulang Laut dan Pelancongan Johor Bahru dalam Cerpen ... 65

W. B. Rendra

BAB 6 Ziarah Kedah: Negeri Tiga Sasterawan Negara ... 76

Ghazali Din

BAB 7 Berziarah ke Makam Tok Kenali ... 87

Rosli K. Matari

BAB 8 Pelancongan Kuala Lumpur: Psikogeografi dan Keterikatan
Tempat dalam Puisi Tiga Sasterawan Negara ... 99

*Mohd Fadhli Shah Khaidzir & Mafarhanatul Akmal Ahmad
Kamal*

- BAB 9 Kesusasteraan Melaka Pemangkin Pelancongan Negeri ... 116
Noor Aziera Mohamad Rohana, Mohd Ab Malek Md Shah & Asma' Wardah Surtahman
- BAB 10 Puisi-puisi Jelevu dan Pelancongan Negeri Sembilan ... 136
Syarifah Salha Syed Ahmad
- BAB 11 Mat Kilau dan Tarikan Pelancongan Pahang ... 151
A. Halim Ali
- BAB 12 Sastera Pelancongan Perak dan Kreativiti Malim Ghozali PK ... 174
Kamariah Kamarudin
- BAB 13 Sastera Pelancongan Perlis dalam Puisi Rejab F. I. ... 186
Norshah Aizat Shuaib
- BAB 14 Puisi Muhammad Haji Salleh dan Pelancongan di Pulau Pinang ... 197
Nur Asyiqin Ibrahim & Mawar Safei
- BAB 15 Kundasang dan Taman Kinabalu dalam Karya Penulis Sabah ... 213
Jasni Matlani
- BAB 16 Miri Kota Inspirasi: Ekopelancongan dalam Sastera Sarawak ... 226
Abang Median Abang Said
- BAB 17 Kuala Kubu Bharu dan Tanjong Karang dalam Peta Sastera Pelancongan Selangor ... 241
Mohamad Kholid Hamzah

BAB 18 Derita Seorang Seniman Mengungkap Sastera Pelancongan

Bumi Darul Iman ... 252

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali

Rujukan ... 269

Senarai Penyumbang ... 281

Indeks ... 285

Prakata

Umumnya, pelancongan di Malaysia tertumpu pada asas budaya dengan latar kepelbagaian penduduknya. Satu bahagian kebudayaan yang kurang diperhatikan adalah peranan kesusasteraan sebagai salah satu ragam pelancongan. Merujuk Akta Warisan Kebangsaan 2005, pelancongan berasaskan kesusasteraan termasuk di bawah warisan kebudayaan bukan semula jadi dan merupakan salah satu cabang pelancongan budaya. Penulisan buku ini melihat bagaimana Malaysia yang mempunyai warisan kesusasteraan yang panjang, mampu menawarkannya kali ini sebagai satu jurus pelancongan. Penelitian dua tahun Pembentukan Model Pelancongan Kesusasteraan di Malaysia GGP-2020-022 Universiti Kebangsaan Malaysia membolehkan penulisan buku ini dilakukan. Terima kasih juga kepada pihak Penerbit UKM atas pemberian Dana Penerbitan Buku (DPB-2025-045) sehingga naskah ini berada di tangan saudara pembaca.

Buku ini terdiri daripada 18 bab oleh 23 penulis yang dimulakan dengan konsep asas sastera pelancongan sebagai pemahaman dasar. 13 bab mewakili negeri di Malaysia dengan turut disertakan tumpuan ke atas Kuala Lumpur sebagai ibu negara. Dikemukakan satu bab khas sastera pelancongan Malaysia secara bandingan di Nusantara. Begitu juga dengan bab khusus menyentuh sastera pelancongan maya ketika wabah COVID-19 mengubah peta pelancongan dunia. Masing-masing menumpukan perhatian terhadap masukkan kesusasteraan, lokaliti, maklumat pelancongan dan pemerian tentang tarikan pelancongan berkenaan. Ragam penulisan dalam bab-bab ini juga merangkumi pengalaman peribadi penulis dalam menghasilkan karya yang berlatarbelakangkan negeri-negeri tertentu seperti Sabah oleh Jasni Matlani, Selangor oleh Kholid Hamzah, Negeri Sembilan oleh Syarifah Salha dan Johor oleh W. B. Rendra. Ia antara lain mewakili kesedaran para penulis bahawa gubahan tulisan kreatif mereka dapat menjadi sumber pancingan pelancongan dan ia merupakan sumbangan yang istimewa.

Sepertimana juga beberapa surah dan ayat al-Quran menganjurkan kita berjalan, melihat kehidupan dan kesan perbuatan manusia terdahulu, banyak yang dapat dipelajari dengan mengenali latar sesuatu tempat. Sama ada kita datang sebagai penziarah atau bertindak sebagai pelapor

latar berkenaan, menerusi wahana sastera, denyut kemanusiaan itu dapat diperiksa dan difahami. Maka inilah tumpuan buku ini, menghargai keupayaan sastera bersilih dengan pemeriharaan muka bumi dan ekonomi. Buat Saudara, selamat menikmati pengembaraan ini.

Mawar Safei

Noordeyana Tambi

Ermy Azziaty Rozali

Bab 2

Konsep Sastera Pelancongan

Nur Hidayah Abd Rahman dan Julaina Nopiah

Pengenalan

Pelancongan adalah suatu fenomena yang sangat kompleks dan dinamik, melibatkan pergerakan orang ke destinasi luar biasa atau yang jauh dari persekitaran harian mereka. Aktiviti ini bukan sahaja memberi kesan kepada individu yang terlibat, tetapi juga kepada ekonomi, masyarakat, dan budaya di destinasi yang dikunjungi. Pelancongan boleh dibahagikan kepada beberapa jenis utama, yang merangkumi pelancongan rekreasi, pelancongan perniagaan, pelancongan pendidikan, serta pelancongan kesihatan dan perubatan. Setiap jenis pelancongan ini mempunyai tujuan dan motivasi yang berbeza-beza, namun kesemuanya berkisar sekitar idea asas iaitu pergerakan individu ke destinasi luar biasa yang membawa pengalaman baru. Salah satu elemen penting dalam dunia pelancongan hari ini ialah sastera pelancongan, yang semakin mendapat perhatian dalam usaha merancakkan industri pelancongan di sesebuah destinasi.

Sastera pelancongan, atau dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai *literary tourism*, adalah fenomena yang menggabungkan pelancongan dengan dunia sastera. Ia merujuk kepada aktiviti pelancongan yang berkaitan dengan karya-karya sastera, sama ada berupa novel, puisi, atau sebarang bentuk tulisan lain yang dihasilkan oleh penulis atau pengkarya. Dalam konteks ini, penulis menggunakan kuasa imaginasi untuk menarik pembaca ke dalam dunia yang digambarkan dalam karya mereka. Pembaca, seterusnya, tertarik untuk mengunjungi destinasi yang digambarkan dalam karya tersebut, membolehkan mereka merasai suasana dan menghidupkan pengalaman yang telah mereka hayati dalam buku (Busby & Klug, 2001; Hoppen, Brown & Fyall, 2014).

Sastera pelancongan bukan sekadar merujuk kepada tempat atau lokasi yang muncul dalam sesebuah karya, tetapi juga kepada hubungan yang terjalin antara pengkarya dengan tempat-tempat tersebut. Seseengah destinasi pelancongan mungkin terkenal kerana peranan mereka dalam karya-karya terkenal, sementara yang lain mungkin menjadi tumpuan kerana ia mempunyai kaitan dengan pengarang atau tokoh sastera tertentu (Squire, 1996: 119). Menurut Herbert (2001) dan Ghetau & Esanu (2011), fenomena ini juga memainkan peranan penting dalam membentuk imej warisan pelancongan sebuah negara, memperkenalkan destinasi tersebut kepada pelancong sambil memelihara nilai sejarah dan budaya tempatan.

Dari perspektif geografi, sastera pelancongan memberi sumbangan kepada pengurusan ruang dan kawasan pelancongan dengan memastikan destinasi yang berkaitan dengan sastera dikelola dengan baik dalam konteks pelancongan warisan (Ghetau & Esanu, 2011; Cevik, 2020). Hal ini dapat dilihat bahawa kebanyakan kawasan yang menjadi tumpuan disebabkan oleh fenomena Sastera Pelancongan telah menawarkan kepelbagaian aktiviti dan produk yang berunsurkan pelancongan seperti muzium, cenderamata dan sebagainya. Sebagai contoh, seperti yang dinyatakan oleh Watson (2005: 5):

Literary Tourism is so naturalised as a cultural phenomenon in the British Isles that one sees literary sites detailed in guidebooks and marked on the road map, and expects (and feels expected) to visit the museum shop and to buy the soap, the postcard and the bookmark.

Sejarah sastera pelancongan bermula di United Kingdom, di mana pada asalnya ia lebih berfokus kepada pengembaraan yang dihasilkan untuk memenuhi keinginan golongan muda yang teruja dengan dunia karya sastera. Hari ini, sastera pelancongan bukan sahaja menjadi salah satu bentuk pelancongan yang utama di negara tersebut, tetapi juga menjadi sektor yang menguntungkan secara ekonomi, memberikan peluang pekerjaan dan pendapatan tambahan melalui jualan cenderamata dan penghasilan jejak interpretasi (Watson, 2006; Hoppen, Brown & Fyall, 2014; Muller, 2006).

Selain daripada karya sastera klasik, populariti sastera pelancongan kini semakin meluas dengan kemunculan karya-karya kontemporari. Sebagai contoh, karya seperti siri *Harry Potter* oleh J.K. Rowling dan *Twilight* oleh Stephenie Meyer telah membawa kepada kewujudan destinasi pelancongan yang berhubung dengan tempat-tempat yang menjadi inspirasi dalam penulisan mereka. Karya-karya ini telah membuka peluang kepada lebih banyak destinasi pelancongan yang boleh dikaitkan dengan pengarang moden, dan membolehkan pengunjung merasai sendiri persekitaran yang digambarkan dalam novel-novel terkenal tersebut (Hoppen, Brown & Fyall, 2014). Begitu juga, destinasi seperti tempat-tempat yang dikaitkan dengan penulis terkenal seperti Yukio Mishima di Jepun, William Shakespeare di England, atau Frances Mayes di Itali, kini menjadi tumpuan utama pelancong yang tertarik dengan sastera dan budaya tempatan (Mintel, 2011).

Keunikan Sastera Pelancongan atau *literary tourism* semakin ketara apabila karya sastera diadaptasi ke dalam bentuk filem atau drama, fenomena yang dikenali sebagai *film-induced tourism*. Adaptasi ini membuka ruang baru untuk pelancongan kreatif, di mana visual, muzik tema, dan penggambaran suasana dalam filem memberikan inspirasi kepada peminat karya sastera untuk mengunjungi lokasi penggambaran (Busby & Klug, 2001; Bunchmann, Moore & Fisher, 2010; Zulkifli & Rahman, 2021). Pelancongan jenis ini bukan sahaja membantu memupuk kecintaan terhadap karya sastera, tetapi juga memberi manfaat ekonomi kepada kawasan tersebut dengan mencipta peluang pekerjaan dan menyokong aktiviti perniagaan tempatan. Secara keseluruhannya, Sastera

Pelancongan atau *literary tourism* adalah satu bentuk pelancongan yang berkembang pesat dan memberikan impak positif kepada ekonomi dan budaya destinasi pelancongan. Dengan pelbagai bentuk adaptasi dan kaitan dengan karya sastra, ia terus memberi sumbangan kepada pertumbuhan industri pelancongan global, sambil memperkukuhkan warisan budaya yang ada.

Tipologi Sastra Pelancongan

Pengenalpastian tipologi bagi bentuk sastra pelancongan adalah langkah penting dalam memahami bagaimana produk dan aktiviti pelancongan dapat dikembangkan berdasarkan hasil karya sastra. Tipologi sastra pelancongan telah dibahagikan kepada enam kategori utama yang memberi gambaran jelas mengenai bagaimana sastra dan destinasi pelancongan saling berkait. Pembahagian ini memberi panduan kepada pembuat keputusan dalam merancang dan mempromosikan destinasi yang berkait rapat dengan karya sastra, serta memperlihatkan bagaimana industri pelancongan dapat berkembang melalui pendekatan yang berasaskan karya sastra. Tipologi ini merangkumi enam aspek, seperti penghormatan terhadap lokasi sebenar, tempat yang signifikan bagi karya fiksi, daya tarikan yang dibawa oleh tokoh sastra dan karya mereka, serta pengaruh penulisan kembara dan induksi filem dalam meningkatkan kesedaran dan minat pelancong terhadap destinasi tertentu (Butler, 1986; Busby, 2004:5; Busby & Klug, 2001: 321; Hoppen, 2014: 39).

Tipologi pertama yang perlu diberi perhatian adalah aspek penghormatan terhadap lokasi sebenar. Dalam konteks ini, sastra pelancongan tidak hanya berfokus kepada tempat-tempat yang digambarkan dalam karya fiksi, tetapi juga mengaitkan lokasi sebenar yang mempunyai hubungan dengan kehidupan dan karya penulis itu sendiri (Hoppen et al., 2014). Sebagai contoh, Busby dan Hambly (2002) telah menyoroti karya Daphne du Maurier, *Jamaica Inn*, menunjukkan bagaimana tempat asal penulis, seperti Fowey di Cornwall, United Kingdom menjadi sumber inspirasi bagi banyak karyanya, termasuk *The Loving Spirit* (Hoppen et al., 2014). Lokasi tersebut, yang penuh dengan sejarah penulis, kini menjadi pusat pelancongan yang terkenal dengan produk-produk seperti buku panduan *Daphne du Maurier in Cornwall* yang dijual di pusat maklumat pelancongan (Hoppen et al., 2014: 40). Oleh itu, penghormatan terhadap lokasi sebenar ini bukan sahaja memberi penghargaan kepada karya penulis, tetapi juga berfungsi sebagai daya tarikan pelancong yang ingin merasai suasana tempat yang memberi inspirasi kepada karya sastra terkenal tersebut.

Aspek kedua adalah penghormatan terhadap karya fiksi itu sendiri, yang membawa makna dan imaginasi melalui tempat dan watak-watak dalam cerita yang dianggap oleh para pembaca sebagai nyata dan beremosi (Herbert, 2001). Karya-karya seperti *Hamlet* oleh William Shakespeare dan *Sherlock Holmes* oleh Arthur Conan Doyle adalah contoh yang jelas bagaimana watak-

watak fiksi ini mampu menghidupkan destinasi tertentu, menarik minat pelancong untuk mengunjungi tempat-tempat yang dikaitkan dengan mereka. Contohnya, restoran *The Sherlock Holmes* yang terletak di London adalah satu usaha untuk memenuhi imaginasi pengunjung yang ingin merasai pengalaman berkaitan dengan watak terkenal ini. Pengunjung yang datang ke tempat ini bukan hanya untuk menikmati hidangan, tetapi juga untuk merasai persekitaran yang menggambarkan dunia *Sherlock Holmes*, sekaligus memperkuat hubungan antara karya sastera dan destinasi yang berkenaan.

Tipologi ketiga melibatkan kawasan yang menarik pelancong disebabkan oleh karya sastera dan tokoh sastera yang berhubungan dengannya. Ini adalah salah satu bentuk sastera pelancongan yang paling dominan, di mana karya-karya tertentu mencipta daya tarik yang luar biasa terhadap destinasi tersebut. Sebagai contoh, karya *Anne of Green Gables* oleh Lucy Maud Montgomery (1874-1942) yang diterbitkan pada tahun 1908 telah menjadikan Pulau Prince Edward di Kanada sebagai destinasi pelancongan utama (Squire, 1996). Melalui karya penulisan beliau, *Prince Edward Island* di Kanada merupakan lokasi rujukan yang menarik 1.24 million pelancong untuk mengunjungi Pulau Prince Edward pada tahun 1998. Seramai 210,755 daripada pengunjung tersebut dikatakan mengunjungi pulau tersebut bagi merasai pengalaman sejarah dan warisan (Fawcett & Cormack, 2001: 687). Karya William Shakespeare, yang melibatkan destinasi terkenal seperti *Stratford-upon-Avon* di England, serta tempat ikonik seperti balkoni *Casa de Julietta* di Verona, Itali (dari karya *Romeo and Juliet*), turut menunjukkan bagaimana sastera pelancongan mampu menarik pelancong ke destinasi yang menjadi tempat kelahiran atau latar belakang karya sastera terkenal.

Tipologi keempat merujuk kepada kesusasteraan yang memperoleh populariti apabila kawasan tersebut berkembang menjadi destinasi pelancongan. Dalam hal ini, sastera pelancongan sering dikembangkan oleh industri swasta atau kerajaan untuk memperkenalkan destinasi tertentu kepada pelancong dan meningkatkan ekonomi tempatan (Busby & Klug, 2001). Buku seperti *A Writer's Britain: Landscape and Literature* oleh Margaret Drabble dan *The Atlas of Literature* oleh Bradbury telah memberi impak yang besar dalam mempopularkan kawasan-kawasan yang berkaitan dengan karya sastera di Britain (Hoppen et al., 2014: 40). Kompilasi karya-karya sastera ini membantu memperkenalkan landskap luar bandar dan bandar di Britain sebagai destinasi pelancongan yang kaya dengan nilai sejarah dan kebudayaan. Pembangunan seperti ini bukan sahaja meningkatkan jumlah pelancong tetapi juga memberi manfaat kepada ekonomi setempat dengan meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan pelancongan dan produk-produk yang berkaitan dengan sastera.

Penulisan kembara atau *travel writing* dan induksi filem merupakan dua tipologi tambahan yang turut menyumbang kepada perkembangan sastera pelancongan menurut Busby dan Klug (2001). Penulisan kembara mempunyai kuasa yang besar dalam mempengaruhi keputusan pelancong untuk melawat

destinasi tertentu yang digambarkan melalui jurnal pengembaraan. Melalui penulisan yang mendalam mengenai pengalaman peribadi dan penerangan tentang tempat-tempat yang dikunjungi, penulis dapat menyampaikan gambaran yang kuat dan menggalakkan pembaca untuk melawat lokasi tersebut. Penulisan ini memainkan peranan penting dalam memperkenalkan destinasi baru dan meningkatkan kesedaran tentang nilai-nilai budaya dan sejarah yang mungkin tidak diketahui oleh kebanyakan orang. Oleh itu, menerusi penulisan yang dihasilkan, lokasi destinasi yang digambarkan serta pengalaman penulis yang diinterpretasikan membawa kepada capaian komunikasi yang lebih meluas (Hoppen et al., 2014: 41).

Tipologi keenam, induksi filem sastera pelancongan (*film-induced literary tourism*), berlaku apabila karya sastera diadaptasi ke dalam bentuk filem atau drama yang menarik minat pelancong untuk mengunjungi lokasi sebenar yang digambarkan dalam filem tersebut (Hoppen et al., 2014). Sebagai contoh, dalam kes novel Harry Potter oleh J.K. Rowling, lokasi seperti *Livraria Lello* di Portugal yang terkenal dengan tangganya yang menakjubkan menjadi tumpuan pengunjung kerana ia digambarkan dalam filem Harry Potter. Perpustakaan ini kini mengenakan tiket masuk untuk pengunjung, yang juga boleh membeli brosur pelancongan sebagai panduan mereka. Begitu juga dengan Istana *Alnwick* di Northumberland, England, yang menjadi lokasi Hogwarts dalam filem Harry Potter, yang telah mencatatkan peningkatan jumlah pengunjung sebanyak 230% pada tahun 2011 dan 2013, serta memberi sumbangan besar kepada ekonomi tempatan, dengan jumlah pendapatan melebihi \$9 juta (*Daily Mail*, 2013 seperti yang dinyatakan Hoppen et al., 2014). Fenomena serupa berlaku di Forks, Washington, yang menjadi tumpuan selepas filem *Twilight* diadaptasi dari novel Stephenie Meyer. Dari hanya 75 pengunjung sebulan, jumlah tersebut meningkat secara dramatik kepada 2000 hingga 4000 pengunjung sebulan selepas tayangan filem tersebut pada tahun 2008, dengan pengenalan pakej *Twilight Tour* yang menarik ramai peminat karya tersebut untuk mengunjungi tempat-tempat yang terkenal dalam cerita (Crowe, 2013: 1-25).

Kesimpulannya, tipologi sastera pelancongan memberikan pemahaman yang mendalam tentang bagaimana karya sastera menjadi suatu platform yang penting dalam membangunkan produk dan aktiviti pelancongan. Setiap tipologi yang dijelaskan—dari penghormatan terhadap lokasi sebenar yang berkait rapat dengan kehidupan penulis, hingga ke induksi filem yang membawa kepada populariti destinasi—menunjukkan bagaimana hasil karya sastera mampu merangsang minat pelancong untuk mengunjungi tempat-tempat yang dikaitkan dengan karya sastera tersebut. Tipologi ini juga menggambarkan bagaimana sastera pelancongan bukan sahaja memberi manfaat kepada pembaca dan peminat karya, tetapi juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan ekonomi tempatan dan mempromosikan destinasi yang mungkin sebelum ini kurang dikenali. Melalui pemahaman yang lebih mendalam terhadap hubungan

antara sastera dan pelancongan, potensi besar dapat dikenal pasti dalam memanfaatkan hasil karya sastera sebagai daya tarikan yang mampu mengubah landskap pelancongan dan memperkaya pengalaman pengunjung.

Motivasi Sastera Pelancongan

Teori asas bagi motivasi pelancong yang dikemukakan oleh Dann (1977), telah membahagikan motivasi pelancong kepada dua faktor utama, iaitu faktor pendorong dan penarik (*push-pull factors*). Dalam konteks ini, faktor pendorong ditakrifkan sebagai dorongan atau keinginan yang berasal daripada dalam diri seseorang untuk melakukan pengembaraan, yang berpunca daripada faktor sosio-psikologi dalaman individu tersebut. Faktor pendorong (*Push factor*) ini menggambarkan hasrat seseorang untuk melakukan perjalanan ke sesuatu destinasi dengan tujuan tertentu, seperti mencari keinginan untuk mendapatkan kedamaian, beristirahat, mempelajari budaya dan masyarakat lain, serta memenuhi keperluan psikologi mereka yang mendalam. Keinginan ini bukan sahaja berlandaskan kepuasan emosi dan rohani, tetapi juga untuk memenuhi keperluan yang bersifat lebih peribadi, seperti pencarian diri atau perubahan persekitaran. Sementara itu, faktor penarik (*Pull factor*) pula merujuk kepada ciri-ciri tertentu yang terdapat di destinasi yang dapat menarik minat seseorang untuk mengembara ke sana. Faktor penarik ini boleh merangkumi pelbagai elemen, seperti aktiviti atau servis yang ditawarkan oleh destinasi, termasuk tempat-tempat bersejarah, kawasan warisan budaya, serta penganjuran festival atau acara khas yang memikat minat pengunjung untuk terlibat dalam aktiviti pelancongan tersebut (Crompton, 1979; Dann, 1977). Dengan kata lain, faktor penarik memberi tumpuan kepada elemen luaran yang mendorong pelancong untuk memilih destinasi berdasarkan daya tarikan fizikal dan aktiviti yang ditawarkan di lokasi tersebut.

Walaupun teori asas mengenai faktor pendorong dan penarik (*push-pull factors*) dalam motivasi pelancongan cukup diterima secara umum, penerapannya dalam konteks sastera pelancongan agak sukar untuk diterjemahkan secara langsung. Hal ini disebabkan oleh kurangnya penyelidikan secara akademik yang melihat faktor pendorong dan penarik dalam sastera pelancongan, berbanding penerapan sastera pelancongan dalam filem. Bagi pelancongan induksi filem (*film-induced tourism*), faktor penarik dipengaruhi oleh kesan filem itu sendiri, yang berkait rapat dengan tiga elemen utama, iaitu tempat, personaliti, dan persembahan (Macionis, 2004). Dalam konteks faktor tempat, beberapa aspek seperti atribut lokasi, pemandangan landskap, cuaca, budaya, sosial asal, dan aktiviti yang hanya wujud di destinasi tersebut memainkan peranan penting dalam menarik minat pelancong (Macionis, 2004). Faktor personaliti pula merujuk kepada pengaruh watak atau pelakon dalam filem, yang boleh membangkitkan emosi atau hubungan tertentu antara pelancong dan destinasi yang digambarkan. Sementara itu, aspek persembahan

dipengaruhi oleh plot, tema, dan genre filem yang dapat membangkitkan minat penonton untuk mengunjungi lokasi-lokasi yang pernah dipaparkan dalam filem tersebut (Macionis, 2004). Bagi faktor pendorong, ia banyak dipengaruhi oleh keinginan dalam diri pengunjung, seperti peningkatan ego status, pencapaian prestij, pencarian fantasi, dan pencarian identiti diri yang berkaitan dengan pengalaman yang boleh diperoleh daripada destinasi pelancongan tersebut (Macionis, 2004).

Namun, pemahaman yang lebih khusus mengenai motivasi pelancong dalam konteks sastera pelancongan masih terbatas. Sebagai contoh, Cevik (2020:17) memberi tumpuan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi dalam sastera pelancongan, namun ia hanya menumpukan perhatian kepada faktor penarik sahaja. Oleh demikian, Cevik (2020) menggariskan dua kategori utama yang mempengaruhi motivasi pelancong dalam sastera pelancongan, iaitu Tapak Sastera dan Destinasi Sastera. Bagi Tapak Sastera, faktor-faktor yang diketengahkan termasuk keunikan tempat yang berkait dengan penulis atau karya sastera, isu-isu berkaitan pengurusan, perancangan dan strategi, tanggungjawab pengurus, bentuk interpretasi, serta isu pemasaran yang melibatkan aktiviti promosi dan alat pemasaran (Cevik, 2020). Keunikan tapak ini merujuk kepada identiti khas yang dimiliki oleh tempat yang berkait rapat dengan karya atau penulis tertentu, yang seterusnya mempengaruhi daya tarikan pelancong. Untuk Destinasi Sastera pula, Cevik (2020) telah menekankan keunikan imej mental yang terbentuk di kalangan pelancong dan destinasi. Keunikan ini dilihat berkait dengan karya sastera, pengurusan destinasi, komodifikasi watak sastera, serta perancangan laluan dan penganjuran lawatan sastera. Selain itu, pemasaran dan penjenamaan destinasi juga memainkan peranan dalam menarik pengunjung ke destinasi tersebut. Walau bagaimanapun, Cevik (2020) lebih menumpukan kepada faktor penarik (*Pull factors*) tanpa memperincikan faktor pendorong (*Push factors*) yang turut memainkan peranan penting dalam motivasi individu pelancong itu sendiri.

Oleh itu, adalah penting untuk meneroka pemahaman mengenai faktor pendorong dalam konteks sastera pelancongan, dengan memberi perhatian yang lebih mendalam kepada elemen-elemen yang mendorong pelancong untuk melakukan aktiviti pelancongan di destinasi sastera. Penerokaan ini diharap dapat memberikan perspektif yang lebih menyeluruh mengenai motivasi individu pelancong dalam sastera pelancongan, termasuk pengaruh emosi, pencarian identiti, serta kepuasan psikologi yang diperoleh daripada pengalaman pelancongan di lokasi yang berkait dengan karya sastera tertentu.

Sastera Pelancongan Asia Tenggara

Penerokaan dan pemahaman terhadap sastera pelancongan di Asia Tenggara adalah masih terhad jika hendak dibandingkan dengan penerokaan yang lebih luas mengenai sastera pelancongan di kawasan Eropah (Hoppen et al., 2014).

Meskipun begitu, Asia Tenggara memiliki beberapa karya sastra yang mampu menarik perhatian pengunjung untuk melawat lokasi yang digambarkan dalam novel atau karya penulisan tersebut. Sebagai contoh, dalam karya *The Beauty of Humanity Movement: A Novel* yang ditulis oleh Camilla Gibb pada tahun 2012, tema yang diketengahkan ialah makanan tempatan di Vietnam, khususnya yang dijual di jalanan. Novel ini bukan sahaja mengisahkan budaya kuliner Vietnam, tetapi turut memperkenalkan kepada pembaca suasana tempat yang dapat menarik pelancong untuk mengunjungi Vietnam bagi merasai pengalaman sebenar yang digambarkan dalam karya tersebut. Begitu juga dengan karya *The Beach* yang ditulis oleh Alex Garland pada tahun 1998, yang kemudian diadaptasi menjadi filem pada tahun 2000 dengan tajuk yang sama dan menampilkan Leonardo Di Caprio sebagai watak utama. Filem ini menggambarkan keindahan Maya Bay yang terletak di Ko Phi Phi, Thailand, yang sejak itu menjadi destinasi pelancongan popular. Selepas tayangan filem tersebut, jumlah pengunjung ke Maya Bay meningkat dengan pesat, mencatatkan sekitar 5,000 orang pelawat setiap hari pada tahun 2018 sahaja. Walau bagaimanapun, jumlah pelawat yang melebihi kapasiti kawasan tersebut memberi impak negatif terhadap alam semula jadi, yang akhirnya menyebabkan pihak berkuasa menutup lokasi tersebut pada Jun 2018 untuk memberi ruang kepada proses pemuliharaan. Lokasi ini baru dibuka semula kepada pelawat pada 1 Januari 2022 setelah melalui proses pemeliharaan yang ketat bagi memastikan kelestarian alam sekitar (Hoppen et al., 2014).

Di Indonesia, fenomena penerapan filem (*film-induced tourism*) dalam sastra pelancongan telah menjadi satu bentuk sumber ekonomi utama, khususnya di sekitar Belitung. Karya *Laskar Pelangi* yang ditulis oleh Andrea Hirata pada tahun 2005, bukan sahaja berjaya menarik perhatian pembaca di seluruh dunia, tetapi juga memberi impak besar kepada ekonomi setempat melalui pelancongan. Sebelum terhasilnya novel dan filem *Laskar Pelangi*, kawasan Belitung di Indonesia tidak mempunyai sebarang perniagaan yang berasaskan pelancongan (Inggried, 2011). Namun, selepas filem ini ditayangkan pada tahun 2008 dan menarik lebih daripada 4.6 juta penonton, Belitung telah menjadi destinasi pelancongan utama di Indonesia, terutamanya bagi pelancong domestik (Imanjaya & Kusumawardhana, 2016). Fenomena ini telah membawa kepada perkembangan ekonomi baharu yang berasaskan pelancongan di Belitung, dengan pembangunan fasiliti pelancongan yang disediakan, seperti papan tanda yang diletakkan di kawasan-kawasan yang menjadi lokasi penggambaran dalam filem tersebut sebagai panduan bagi pengunjung (Wijaya & Rosikha, 2020). Selain itu, Belitung juga telah diberikan penjenamaan destinasi yang baharu, iaitu dengan nama *Negeri Laskar Pelangi* oleh pengusaha pelancongan setempat, yang turut membantu meningkatkan identiti dan daya tarikan destinasi tersebut dalam kalangan pelancong (Wijaya & Rosikha, 2020). Penjenamaan ini bukan sahaja memberi impak terhadap industri pelancongan tempatan, tetapi juga memperkenalkan Belitung kepada

dunia sebagai destinasi yang kaya dengan sejarah budaya dan keindahan alam semula jadi yang diabadikan dalam karya sastera terkenal tersebut.

Sastera Pelancongan Malaysia

Sastera pelancongan di Malaysia pada umumnya masih tertumpu kepada pelancongan warisan kebudayaan (Mawar Safei, Noordeyana Tambi & Ermy Azziaty Rozali, 2021). Hal ini selaras dengan penjelasan daripada Herbert (2001), Watson (2006), dan Ghetau dan Esanu (2011), yang menekankan bahawa sastera pelancongan sering kali berkaitan dengan aspek kebudayaan dan warisan sejarah. Walaupun demikian, masih terdapat kekangan dalam penyelidikan ilmiah mengenai perkembangan sastera pelancongan di Malaysia, terutamanya dalam memperluas pemahaman tentang bagaimana sastera pelancongan dapat berkembang melangkaui kategori kebudayaan sahaja. Oleh itu, kekurangan kajian dan penyelidikan yang lebih mendalam menyebabkan potensi sebenar sastera pelancongan di Malaysia tidak dapat diterokai sepenuhnya.

Secara keseluruhan, sastera pelancongan di Malaysia lebih tertumpu kepada dua tipologi utama yang diterangkan dalam kajian sastera pelancongan, iaitu tipologi pertama, iaitu penghormatan terhadap lokasi sebenar, dan tipologi ketiga, iaitu kawasan yang mempunyai daya penarik kerana karya sastera dan tokoh sastera. Dalam konteks tipologi pertama, contoh yang boleh diambil adalah Teratak Za'aba di Negeri Sembilan, yang diiktiraf sebagai salah satu produk pelancongan yang berasaskan sastera. Teratak Za'aba, yang diabadikan sebagai rumah tempat tinggal dan pusat pemikiran Zainal Abidin Ahmad atau lebih dikenali sebagai Pendeta Za'ba, telah dirasmikan pada 5 Februari 2001. Ia kini menjadi salah satu tempat pelancongan yang berunsurkan pendidikan di Negeri Sembilan, dan ia mengangkat ketokohan Za'ba sebagai seorang tokoh sastera dan pendidik yang berjasa dalam memperkasa bahasa Melayu serta menyumbang kepada pembangunan intelektual negara. Di samping itu, karya sastera yang mengangkat tempat dan tokoh sejarah juga menjadi tarikan pelancong, sebagaimana contoh yang dikaitkan dengan karya Legenda Puteri Gunung Ledang, yang merupakan sebuah cerita rakyat Malaysia yang terkenal. Lokasi yang dikaitkan dengan cerita ini adalah Gunung Ledang di Tangkak, Johor, yang menjadi salah satu destinasi utama pelancongan sastera di negara ini. Gunung Ledang bukan sahaja mempunyai nilai kebudayaan yang tinggi, tetapi juga menjadi lokasi yang dikenali di kalangan pelancong, di mana karya sastera tersebut mempopularkan kawasan tersebut sebagai destinasi pelancongan. Pada tahun 2011 dan 2012, Gunung Ledang mencatatkan lebih daripada 24,606 pengunjung setiap tahun (Sabarudin A. Kadir Wahab & Mohd

Rusli Ya'cob, 2019), yang membuktikan daya tarikan yang dimiliki oleh kawasan tersebut berasaskan kepada cerita rakyat yang terkenal ini.

Dengan adanya perkembangan seperti ini, dapat dilihat bahawa sastera pelancongan di Malaysia, walaupun masih terhad dalam beberapa aspek, menunjukkan potensi besar dalam memperkaya sektor pelancongan negara. Produk-produk pelancongan yang berasaskan sastera dapat menyumbang kepada pemuliharaan warisan budaya dan memajukan ekonomi melalui peningkatan jumlah pengunjung yang tertarik dengan sejarah dan kisah-kisah tempatan yang digambarkan dalam karya sastera tersebut.

Potensi Sastera Pelancongan

Sastera pelancongan mempunyai potensi yang sangat besar untuk dijadikan produk pelancongan utama, terutama kerana ia dapat memberi impak positif terhadap ekonomi penduduk setempat. Dalam usaha untuk memaksimumkan potensi ini, pembangunan aktiviti sastera pelancongan pada masa hadapan perlu merangkumi lima perspektif yang penting dalam pemasaran strategik dan penjenamaan destinasi. Perspektif pertama adalah perkembangan pengurusan pelancongan daripada pelancongan bitara (*niche tourism*) kepada *mass tourism*. Pelancongan bitara (*niche tourism*) merujuk kepada jenis pelancongan yang lebih terhad dan spesifik, manakala *mass tourism* merujuk kepada pelancongan yang melibatkan lebih ramai pengunjung secara besar-besaran. Pelancongan sastera pelancongan, yang pada mulanya lebih tertumpu kepada kumpulan kecil penggemar sastera, berpotensi untuk berkembang menjadi industri pelancongan yang dapat menarik pengunjung dalam jumlah yang lebih besar, sekali gus memberi manfaat ekonomi kepada kawasan yang terlibat. Perspektif kedua pula adalah peralihan daripada pelancongan yang berfokuskan kebudayaan dan warisan kepada pembangunan pelancongan yang lebih bersifat global dan bertemakan antarabangsa. Dengan memperkenalkan pelancongan sastera kepada dunia luar, destinasi pelancongan yang berasaskan karya sastera dapat menarik pengunjung antarabangsa yang berminat untuk merasai dan menghargai kebudayaan serta sejarah yang ditonjolkan melalui karya-karya tersebut.

Perspektif ketiga yang perlu diberikan perhatian adalah kerjasama antara produk dan perkembangan dan peningkatan bagi pengalaman pelancong. Bagi memastikan kejayaan dalam sektor pelancongan sastera, kerjasama antara pelbagai pihak seperti kerajaan, sektor swasta, dan komuniti setempat sangat diperlukan untuk mengembangkan produk pelancongan sastera yang lebih menarik dan memberikan pengalaman yang mendalam kepada pelancong. Sebagai contoh, kerjasama dalam menyediakan aktiviti pelancongan seperti lawatan ke tempat-tempat bersejarah, rumah tokoh sastera, atau lokasi yang diilhamkan oleh karya sastera, dapat meningkatkan pengalaman pengunjung

yang ingin merasai lebih dekat dengan dunia yang digambarkan dalam karya sastra tersebut.

Perspektif keempat adalah penjenamaan destinasi. Penjenamaan yang berkesan sangat penting dalam menarik perhatian pelancong. Penjenamaan destinasi sastra pelancongan dapat memperkenalkan keunikan destinasi tersebut, serta membangunkan identiti yang kuat yang mengaitkan destinasi dengan karya-karya sastra terkenal. Melalui penjenamaan yang jelas dan menarik, destinasi-destinasi ini dapat dikenali di peringkat antarabangsa, sekaligus meningkatkan jumlah pengunjung yang datang.

Akhir sekali, perspektif kelima adalah polisi yang lebih meluas dan pengurusan pengunjung dalam konteks tempatan. Dalam konteks pelancongan sastra, pengurusan pelancong adalah sangat penting untuk memastikan kesinambungan ke atas usaha pemeliharaan destinasi yang berkaitan dengan karya sastra. Polisi yang melibatkan pengurusan kapasiti pelancong, pemeliharaan warisan budaya, serta penyediaan infrastruktur yang sesuai adalah kunci kepada kejayaan dalam menjadikan sastra pelancongan sebagai satu industri yang berkembang dengan mampan. Oleh itu, pelaksanaan polisi yang berkesan akan memastikan bahawa destinasi-destinasi sastra pelancongan tidak hanya dapat menarik lebih banyak pelancong tetapi juga dapat menjaga kelestarian budaya dan alam sekitar yang menjadi daya tarikan utama.

Oleh demikian, kepelbagaian tipologi sastra pelancongan dan juga motivasi pelancong memainkan peranan yang sangat penting dalam perkembangan pengurusan sastra pelancongan pada masa hadapan. Ini akan membawa kepada peralihan daripada pelancongan bitara (*niche tourism*) yang lebih kecil kepada aktiviti pelancongan yang dilakukan secara besar - besaran (*mass tourism*), seperti yang dilihat dalam kejayaan adaptasi filem bagi karya-karya sastra terkenal seperti Harry Potter oleh J.K. Rowling, The Beach oleh Alex Garland, dan Twilight oleh Stephenie Meyer. Adaptasi filem ini telah mengubah landskap sastra pelancongan dengan memperkenalkan destinasi-destinasi yang menjadi lokasi penggambaran filem kepada penonton global. Fenomena ini telah menggalakkan perkembangan destinasi pelancongan berasaskan sastra melalui penyediaan kemudahan fizikal seperti tempat kediaman tokoh sastra, galeri, jejak warisan, bahan-bahan kolateral, peta, dan cenderamata bagi memberikan pengalaman yang lebih mendalam kepada pengunjung. Dengan adanya usaha-usaha seperti ini, sastra pelancongan bukan sahaja dapat menjadi satu sumber ekonomi yang besar, tetapi juga menjadi medium penting dalam mempromosikan budaya, sejarah, dan warisan negara di peringkat global.

Kesimpulan

Sastra pelancongan mampu memberikan impak yang sangat besar kepada industri pelancongan terutamanya di Asia Tenggara sepertimana yang berlaku

di Indonesia dan Thailand. Melalui perbincangan kepada pengenalan kepada sastra pelancongan ini, dapat dilihat bahawa sastra pelancongan berkembang menjadi enam tipologi utama, iaitu dengan penambahan kepada dua tipologi oleh Hoppen et al., (2014) daripada empat tipologi yang asalnya dibangunkan Butler (1986). Dua tipologi tambahan tersebut adalah melalui penulisan kembara dan induksi filem sastra pelancongan yang menggalakkan motivasi pelancong untuk melawati tempat yang digambarkan dalam karya sastra.

Bab ini menunjukkan motivasi pelancong yang mengikuti pengembaraan sastra pelancongan melalui faktor penarik bagi destinasi dan tapak sastra melalui keunikan dan pembangunan produk pelancongannya seperti aspek pemasaran, perancangan laluan dan interpretasi bagi karya sastra kepada bentuk pelancongan. Akhir sekali, bahagian ini merungkai potensi sastra pelancongan untuk dimajukan dari perspektif pemasaran dan pembangunan produk sastra pelancongan. Hal ini boleh memastikan kemampuan produk sastra pelancongan dan dapat mencapai objektif utamanya, iaitu pemeliharaan warisan dan budaya bagi karya sastra dan tokohnya.

Rujukan

- Buchmann, A., Moore, K., & Fisher, D. 2010. Experiencing Film Tourism: Authenticity & Fellowship. *Annals of Tourism Research*, 37 (1), 229 -248.
- Busby, G., & Klug, J. 2001. Movie-induced tourism: The challenge of measurement and other issues. *Journal of Vacation Marketing*, 7 (4), 316-332.
- Cevik, S. 2020. Literary Tourism as a Field of Research over the Period 1997-2016. *European Journal of Tourism Research*, 24, 2407.
- Crompton, J. 1979. Motivations for pleasure vacation. *Annals of Tourism Research*, 6 (4), 408-24.
- Crowe, J., 2013. The Twilight of Forks?: The Effect of Social Infrastructure on Film Tourism and Community Development in Forks, WA. *Journal of Rural Social Sciences*, 28(1), 1-25.
- Dann, G. M. S. 1977. Anomie, ego-enhancement and tourism. *Annals of Tourism Research*, 4, 184–194.
- Fawcett, C., & Cormack, P. 2001. Guarding Authenticity at Literary Sites. *Annals of Tourism Research*, 28 (3), 686-704.
- Ghetau, L., Esanu, L.V. 2011. Literary Tourism as a Promoter of Cultural Heritage. *Sustainable Development and Planning*, 5 (150), 345-353.
- Herbert, D. 2001. Literary Places, Tourism and the Heritage Experience. *Annals of Tourism Research*, 28 (2), 312-333.
- Hoppen, A., Brown, L., & Fyall, A. 2014. Literary Tourism: Opportunities and Challenges for the Marketing and Branding of Destinations? *Journal of Destination Marketing & Management*, 3, 37-47.
- Imanjaya, E., & Kusumawardhana, I. 2016. Film tourism Indonesian style: The cases of Laskar Pelangi and eat pray love. *Communicare: Journal of Communication Studies*, 3(2), 9-28.
- Inggried. 2011. *Pelabuhan Ganti Nama Jadi 'Laskar Pelangi'*. Kompas.com. Dicapai pada 10 Oktober 2022 dari: <http://regional.kompas.com/read/2011/06/11/12395332/Pelabuhan.Ganti.Nama.Jadi.Laskar.Pelangi>
- Macionis, N. 2004. Understanding the Film-Induced Tourist. Dalam Frost, Warwick, Croy, Glenand Beeton, Sue (Ed.). *International Tourism and Media Conference Proceedings.24th-26th November 2004*. Melbourne: Tourism Research Unit, Monash University. 86-97
- Mawar Safei, Noordeyana Tambi & Ermy Azziaty Rozali. 2021. Usman Awang dan Sedili: Hubungan daripada pelancongan kesusasteraan dunia. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space*, 17 (2), 340-354. <https://doi.org/10.17576/geo-2021-1702-26>.

- Mintel. 2011. *Literary Tourism- International – September* (p. 2011) London: Mintel International Group.
- Muller, D.K. 2006. Unplanned Development of Literary Tourism in Two Municipalities in rural Sweden. *Scandinavian Journal of Hospitality and Tourism*, 6(3), 214-228.
- Sabarudin A. Kadir Wahab & Mohd Rusli Ya'cob. 2019. Perception and Satisfaction of Ecotourism Resource Development in Gunung Ledang Johor National Legendary Park in Malaysia: Ecotourists Perspective. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 13(6), 82-92.
- Squire, S.J. 1996. Literary Tourism and Sustainable Tourism: Promoting 'Anne of Green Gables' in Prince Edward Island. *Journal of Sustainable Tourism*, 4(3), 119-134.
- Watson, N.J. 2006. *The Literary Tourist*. Basingstoke: Palgrave Macmillan.
- Wijaya, M. I., & Rosikha, N. A. 2020. Movie-Induced Tourism as A Powerful Tourism Branding Media (Study Case on "Laskar Pelangi" The Movie). *Airlangga Journal of Innovation Management*, 1(2), 23-28.
- Zulkifli, N.D., & Rahman, N.H.A. 2021. Malaysian Youth Motivational Factors of Film-Induced Tourism for Indonesia film. *Journal of Indonesian Tourism, Hospitality and Recreation*, 4 (2), 135-146.